

10 NOV 2000

GLOBAL 2000

LID AKAN KAJI SEMULA KEPUTUSAN DAN ALIRAN PERKONGSIAN-PINTAR

PUTRAJAYA, 10 Nov (Bernama) -- GLOBAL 2000-LID (Dialog Antarabangsa Langkawi) yang akan diadakan daripada 19 Nov hingga Nov 22 tahun ini akan mengkaji semula pencapaian usaha-usaha perkongsian pintar di kalangan negara-negara yang menyertainya dan arah di mana usaha-usaha mesti diambil di masa depan, kata Tan Sri Dr Omar Abdul Rahman, pengatur dialog bersama itu, hari ini.

Konsep perkongsian pintar itu, yang bermula pada 1995, telah menyediakan satu platform bagi ketua-ketua dan pegawai sektor awam dan swasta dari Malaysia dan negara-negara selatan Afrika tertentu untuk berkongsi idea dan kepakaran mereka berkaitan dengan bahagian aktiviti yang saling memberi faedah.

Sesi LID itu yang dijangka menarik kira-kira 350 peserta secara keseluruhannya, akan bertemakan "Aliran Global dan Ekonomi-Ekonomi Sedang Muncul". Sesi itu membentuk bahagian kedua siri-siri GLOBAL 2000, susulan daripada siri pertama, GLOBAL 2000-SAID (Dialog Antarabangsa Afrika Selatan), yang diadakan Maputo, Mozambique, pada Ogos 1999.

"Oleh itu GLOBAL 2000-LID bahagian kedua adalah mengenai apa yang kita capai sekarang dan bahawa sudah lima tahun kita membentuk perkongsian pintar dan ke manakah arah kita daripada sekarang," kata Dr Omar (yang juga penasihat sains kepada Perdana Menteri) di taklimat media di sini.

Ketika LID, peserta-peserta juga akan mengkaji apa yang telah dilaksanakan di negara masing-masing dan apa yang boleh dilakukan dalam rangka kerja program perkongsian pintar, tambahnya.

Dr Omar berkata: "Oleh itu akan terdapat pelbagai jenis penyampaian oleh pelbagai negara untuk melihat bagaimana perkongsian pintar diguna pakai kepada keperluan pembangunan mereka dan apa yang telah mereka lakukan dalam konteks itu."

Ketika dialog itu, beliau berkata, peserta-peserta juga akan melihat bagaimana konsep perkongsian pintar boleh digunakan dalam konteks globalisasi dan bagaimana isu-isu dan aliran global boleh memberi kesan kepada ekonomi-ekonomi sedang muncul.

Ekonomi-ekonomi sedang muncul harus sedar apa yang berlaku di seluruh dunia bagi bertindak balas dan meminimumkan jangkaan kesan negatif globalisasi dan bekerjasama rapat di kalangan mereka untuk menyuarakan kebimbangan kepada yang lain di dunia, kata Dr Omar.

Isu lain yang akan dipertimbangkan sepanjang LID itu adalah bagaimana kumpulan berkaitan boleh berurusan dengan media dalam rangka kerja pergerakan globalisasi, tambahnya.

Malahan, Dr Omar berkata, satu sesi khas akan diadakan sepanjang LID untuk menumpukan perhatian kepada bagaimana rejim pelaporan berita seimbang boleh dibentuk di pelbagai negara perkongsian pintar.

LID GLOBAL 2000 juga akan menangani fenomena "ekonomi baru" dan isu bagaimana menyelaraskannya dengan keutamaan "ekonomi lama" seperti perkilangan dan pertanian bagi pembentukan berterusan kekayaan dan kemakmuran, tambahnya.

Dr Omar berkata: "Masih banyak kekeliruan yang timbul terhadap apa yang dimaksudkan daripada segi dan konsep seperti ekonomi baru, e-ekonomi, i-ekonomi dan k-ekonomi -- dan apakah interpretasinya yang betul yang boleh memberi makna kepada negara-negara yang terlibat."

LID bahagian kedua ini juga akan menyaksikan penyambungan sesi khas yang dimulakan ketika bahagian sebelumnya, apabila Malaysia berkongsi

pengalamannya dalam pengurusan pemulihan ekonomi dengan negara-negara anggota.

Beliau berkata kali ini, Malaysia akan berkongsi pengalamannya dalam menguruskan proses globalisasi.

Menurut Dr Omar, tujuh ketua-ketua kerajaan dan negeri dan 18 menteri-menteri dari Afrika, Asia, Eropah dan Lembangan Carribean telah menerima pelawaan untuk menghadiri LID.

Antara yang dijadualkan menghadirinya adalah Presiden Botswana, Festus Mogae; Perdana Menteri Leshotho, Pakhalita Bethuel Mosisili; dan Perdana Menteri Republik Kyrgyz, Muraliev Amangeldi Mursadykovich.

Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Penaung Tuan Rumah dan Penasihat GLOBAL 2000-LID akan menyampaikan ucapan dan merasmikan majlis dialog selama dua hari itu bermula 19 Nov.

Selain Dr Mahathir, menteri-menteri Malaysia yang akan menghadiri LID adalah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie.

-- BERNAMA

MK SEL ZK MA